

**TALKING POINT**  
**NAIB CANSOLOR UniMAP**  
**YG. BERBAHAGIA BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN**  
**HUSSIN,**  
**SEMPENA MAJLIS BERSAMA PESERTA ITEX 2011**  
**DEWAN KEIKHLASAN, TINGKAT 10,**  
**PADA 26 APRIL 2011 (Selasa)**

---

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berbahagia Prof. Dr Zul Azhar Zahid Jamil, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa,

Yang Berbahagia Prof. Dr Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Para Penyelidik UniMAP serta hadirin yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum, Salam Muhibbah dan Salam 1Malaysia

Selamat Petang, Good Evening, Wan Shang Hao, Malai Vannakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah Subhanahuwataala, Tuhan pencipta alam Yang Maha Agong, Maha Pengasih dan Maha Penyayang kerana dengan limpah izinNya, kita dapat dipertemukan pada majlis petang ini.

Pada 20 hingga 22 Mei ini akan berlangsungnya International Invention, Innovation Industrial Design & Technology Exhibition atau lebih dikenali sebagai ITEX. ITEX merupakan satu pameran yang terkemuka di Asia yang mempamerkan penemuan dan penciptaan baru produk dari segi teknologi, rupa bentuk dan sebagainya. Saya percaya pameran ini merupakan platform terbaik untuk menggalakkan idea-idea baru dan penemuan terkini dalam bidang penyelidikan kerana pada pameran ini bakal menyaksikan penemuan dan inovasi terkini berhubung produk penyelidikan dari pelbagai universiti, institusi penyelidikan, pereka individu dan sektor syarikat dari Asia serta negara-negara Eropah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah universiti yang telah menghantar penyertaan sebanyak tujuh kali berturut-turut bermula dari tahun 2005, semestinya kita inginkan yang terbaik pada penyertaan kali ini. Pada penyertaan tahun lalu, UniMAP berjaya meraih kemenangan 100 peratus setelah kesemua 45 produk yang dipertandingkan memenangi pingat.

UniMAP meraih 11 pingat emas, 25 perak dan sembilan gangsa. Saya sangat gembira dengan pencapaian yang diraih oleh penyelidik-penyelidik UniMAP yang rata-ratanya diwakili oleh tenaga pengajar (penyelidik) yang masih muda. Kejayaan 100 peratus itu membuktikan penyelidik kita mempunyai idea yang kreatif dan mampu menghasilkan produk yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat keseluruhannya.

Meskipun secara keseluruhan kita menduduki tempat kedua di belakang Universiti Malaya (UM) yang meraih 15 pingat emas, namun UniMAP mencipta sejarah tersendiri apabila kesemua 45 produk yang dipertandingkan berjaya mendapat pingat baik emas, perak mahupun gangsa.

Di sini, marilah sama-sama kita soroti langkah kejayaan yang kita raih bermula dengan penyertaan kita yang pertama:-

- TAHUN 2005 : 7 PENYERTAAN (1 EMAS, 4 PERAK & 2 GANGSA)
- TAHUN 2006 : 31 PENYERTAAN (1 EMAS, 6 PERAK & 9 GANGSA)
- TAHUN 2007 : 28 PENYERTAAN (6 EMAS, 11 PERAK & 9 GANGSA)
- TAHUN 2008 : 39 PENYERTAAN (2 EMAS, 11 PERAK & 15 GANGSA)
- TAHUN 2009 : 39 PENYERTAAN (9 EMAS, 17 PERAK & 9 GANGSA)

Alhamdulillah terdapat peningkatan yang baik dari tahun ke tahun dan saya yakin dengan teknologi yang dimiliki UniMAP serta kepakaran yang ada pada anda semua, kita mampu

mengorak lebih jauh dengan pelbagai kejayaan yang bakal diraih.

Saya difahamkan jumlah penyertaan pada kali ini merupakan jumlah penyertaan yang tertinggi iaitu sebanyak 50 produk. Besarlah harapan saya agar setiap produk yang menyertai ITEX kali ini akan meraih kejayaan.

Hadirin sekalian,

Penyelidikan adalah penting bagi sesebuah Negara kerana melalui penyelidikan dapat menghasilkan ilmu-ilmu baru. Bila adanya ilmu baru, maka banyaklah teknologi baru yang akan dapat diwujudkan. Melalui ilmu baru inilah, kita bukan sahaja dapat memajukan industri, malah masyarakat serta ekonomi sesebuah Negara itu.

Justeru itu besarlah harapan saya, untuk melihat para penyelidik UniMAP melahirkan produk yang benar-benar kreatif serta memberikan impak positif kepada masyarakat amnya dan negara khususnya. Saya percaya dan yakin dengan kelebihan yang dimiliki oleh para penyelidik di hadapan saya ini, UniMAP bakal meraih kejayaan yang cemerlang sekaligus menyerlahkan keterlihatan antarabangsa UniMAP dimana kita bukan sahaja dikenali di peringkat kebangsaan malahan di peringkat antarabangsa.

Saya difahamkan pada tahun ini UniMAP berjaya memperolehi 'prime area' iaitu lokasi di hadapan pintu masuk utama dewan. Hal ini pasti akan memberikan kelebihan kepada kita sekaligus turut membantu mempromosikan UniMAP. Pesanan saya, buatlah yang terbaik semasa pembentangan produk masing-masing dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami kerana apa yang kita terangkan nanti pasti akan memberi impak yang besar semasa proses kehakiman berlangsung. Saya doakan semua produk yang bertanding akan membawa pulang pingat.

Selain itu, gunalah peluang ini sebaik mungkin untuk mempromosikan UniMAP kepada universiti dan industri luar agar satu hari nanti pelbagai jaringan antarabangsa dapat diwujudkan sekaligus mampu meningkatkan mutu akademik UniMAP. Pada ketika itu graduan yang akan dilahirkan sememangnya berkualiti dan berdaya saing sejajar dengan kehendak majikan dan industri.

**Penemuan Penyelidik, Kreatif Berinovasi,  
Di Gelanggang ITEX, Himpunkan Penciptaan,  
Sematkan Dihati, Mencapai Misi,  
Sasaran 100 Peratus Pingat, Ada Digengaman**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh